

Melayu perlu pandang serius keresahan Mahathir

BH 23 JUN 2002

KERESAHAN Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pencapaian orang Melayu perlu dipandang serius supaya bangsa itu tidak terus dibuai subsidi sehingga lupa bantuan itu cuma sementara.

Ketua Puteri Umno, Azalina Othman Said, bagaimanapun berkata berbanding pencapaian orang Melayu dua dekad lalu, bangsa itu kini sudah mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang.

"Tetapi, jumlah ini masih tidak mencukupi berbanding usaha dan tenaga yang dicurahkan Presiden parti dan kerajaan bagi memastikan Melayu cukup teguh dan kompetitif untuk bersaing," katanya pada sesi pengulangan pada akhir Perhimpunan Agung Umno, semalam.

Beliau berkata, Puteri Umno menyambut baik peringatan serta amanah Presiden parti sepanjang perhimpunan kali ini.

Azalina berkata, Puteri Umno akan memastikan peringatan itu dilaksanakan melalui pelan tindakan yang efektif serta pragmatik untuk mengubah cara berfikir generasi wanita Melayu muda.

Katanya, orang Melayu perlu mengikis sikap malas, lekas berputus asa, suka menyalahkan orang lain, hasad dengki dan tamak, sebaliknya digantikan dengan budaya yang lebih progresif dan menguntungkan.

Beliau berkata, pergerakan itu yakin usaha bersatu padu ke arah membentuk budaya positif boleh dicapai dengan adanya lonjakan minda di kalangan orang Melayu di segenap lapisan usia.